



اَبُو بَكْرٍ سَيِّدِنَا نَبِيْكَرُ الْوَكِيْلُ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

BULETIN FAKULTI PERAKAUNAN

Edisi
6



Asas Pengetahuan Cukai

oleh Mustafa Kamal Mat dan Saflina Azis

Pengurusan kewangan negara memastikan bahawa sumber kewangan negara digunakan secara cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan dan matlamat pembangunan negara. Percukaian merupakan satu instrumen fiskal yang dominan dalam usaha kerajaan menjana pendapatan negara. Kerajaan berperanan besar bagi meningkatkan hasil pendapatan negara terutamanya melalui kaedah percukaian agar dapat melaksanakan program-program pembangunan dan kebajikan sosial dengan lebih efisien.



Hasil cukai yang dikutip kerajaan menunjukkan peningkatan setiap tahun, dan kekal sebagai hasil utama Malaysia sehingga 2022 lalu. Cukai menghasilkan kutipan sebanyak RM208.8 bilion, iaitu menyumbang 70.9% daripada jumlah keseluruhan hasil negara (Kementerian Kewangan Malaysia, 2023). Angka ini memberikan keyakinan kepada kerajaan akan keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran yang tinggi di kalangan rakyat tentang kepentingan kutipan cukai yang efisien dilaksanakan.

Sistem percukaian di Malaysia berubah dari semasa ke semasa mengikut keperluan ekonomi dan dasar kerajaan. Secara asasnya, terdapat dua jenis cukai yang berbeza di Malaysia iaitu cukai langsung dan tidak langsung. Cukai langsung ialah cukai yang dikenakan ke atas pendapatan dan kekayaan seseorang atau syarikat. Cukai ini dibayar terus kepada kerajaan. Sementara itu, cukai tidak langsung pula dirujuk sebagai cukai yang dikenakan kepada seseorang yang menggunakan barangan atau perkhidmatan, dan dibayar secara tidak langsung kepada kerajaan.

Kerajaan Malaysia turut melaksanakan sistem percukaian taksiran sendiri, di mana rakyat bertanggungjawab penuh untuk menentukan liabiliti cukai yang betul setiap tahun. Oleh itu, adalah amat

penting untuk kerajaan sentiasa memastikan rakyatnya serta pembayar cukai khususnya mempunyai tahap pengetahuan percukaian yang tinggi. Dengan peningkatan tentang pengetahuan percukaian, maka akan memberikan peningkatan tanggungjawab pembayar cukai untuk kekal membayar cukai setiap tahun.



Pengetahuan cukai merujuk kepada pengetahuan dan pemahaman lengkap ke atas perundangan dan sistem percukaian yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengumpul dana untuk urusan pembangunan dan pengurusan negara. Malahan, kajian juga mendapati pengetahuan percukaian merupakan kebolehan seseorang pembayar cukai mengetahui tentang perundangan percukaian (Bhalla, Sharma, & Kaur, 2022), kadar cukai yang dikenakan dan perlu dibayar serta kemudahan yang disediakan hasil daripada kutipan cukai (Sanusi, Nik Abdullah, & Chin, 2021).

Selanjutnya, kajian juga mendapati bahawa pengetahuan percukaian telah menjadi satu faktor paling berpengaruh di dalam sistem penilaian cukai sendiri ini (Damajanti & Karim, 2017). Malahan, ia merupakan peneraju yang membuatkan pembayar cukai untuk sentiasa patuh kepada perundangan percukaian ini (Bhalla, Sharma, & Kaur, 2022). Lebih banyak pengetahuan tentang percukaian diperoleh, lebih baik pemahaman tentang pematuhan cukai serta akibat daripada pengelakan cukai (Sanusi, Nik Abdullah, & Chin, 2021). Kurangnya pengetahuan dan kesedaran tentang cukai dan sistem cukai yang digunakan akan mendorong masyarakat untuk tidak mematuhi sistem percukaian (Saad, 2014), dan boleh mengakibatkan mereka tidak mahu membayar cukai, secara sengaja atau tidak sengaja (Kirchler, Niemirowski, & Wearing, 2006).

Kadar pemahaman percukaian dilihat semakin tinggi di Malaysia. Ini terbukti dengan hasil kutipan cukai kerajaan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) semakin meningkat setiap tahun. Celik pengetahuan cukai juga agak baik di kalangan mahasiswa di insitisi pengajian tinggi, walaupun mereka bukanlah merupakan pelajar jurusan perakaunan atau percukaian. Malahan, mereka



prihatin bahawa hasil cukai yang dikutip oleh kerajaan merupakan sumber utama negara untuk melaksanakan pembangunan yang diperlukan oleh rakyatnya. Kegagalan setiap pembayar cukai untuk mengistihar dan membayar cukai yang sepatutnya, boleh dikenakan tindakan undang-undang yang setimpal dengan kesalahan tersebut.

Bagi meneruskan kelangsungan ini, pihak LHDN perlu memberikan kaedah penyampaian maklumat dengan lebih kerap dan mudah agar lebih ramai yang tampil untuk membayar cukai. Pelaksanaan kaedah penyampaian pengetahuan percukaian yang lebih sistematik akan dapat membantu meningkatkan kadar celik cukai di kalangan rakyat Malaysia dalam menyahut seruan Malaysia Madani.

Rujukan

Bhalla, N., Sharma, R. K. & Kaur, I. (2022). Effect of tax knowledge and technological shift in tax system on business performance: A PLS-SEM analysis, *Sustainability* 2022, 14, 10217

Damajanti, A. and Karim, A. (2017) "Effect of tax knowledge on individual taxpayers compliance", *Economics and Business Solutions Journal*, 1(1), pp. 1–16.

Kirchler, E., Niemirowski, A., & Wearing, A. (2006) Shared subjective views, intent to corporate and tax compliance: Similarities between Australian taxpayers and tax officers. *Journal of Economic Psychology*, 27(4), 502-517.

Ministry of Finance. (2023). *Updates on economic & fiscal outlook and revenue estimates 2023*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. https://budget.mof.gov.my/pdf/belanjawan2023/ekonomi-fiskal/EUFORE2023_270223.pdf

Saad, N. (2014). Tax Knowledge, tax complexity and tax compliance: Taxpayers' view. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 109, 1069-1075.

Sanusi, S., Nik Abdullah, N.H., Chin, L. T., Rastama, F., & Rozzani, N. (2021). Tax awareness among students from higher learning institutions in Malaysia: Education area as a moderator. *International Journal of Economics and Management*, 15(1), 89-102.